

## **PEMAKLUMAN BERKENAAN PEMANSUHAN TEMPOH SAH LAKU (*VALIDITY PERIOD*) BAGI SIJIL PENDAFTARAN PAKAR PERUBATAN (FORM 13) DI BAWAH SEKSYEN 14C AKTA PERUBATAN 1971 (PINDAAN 2012)**

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Perubatan Malaysia (MPM) dalam mesyuaratnya kali ke-410 telah bersetuju untuk memansuhkan tempoh sah laku bagi Sijil Pendaftaran Pakar Perubatan dalam Daftar Pakar Perubatan Negara/*National Specialist Register (DPPN/NSR)*, selaras dengan Akta Perubatan 1971 (Pindaan 2012).

Sehubungan itu, berkuat kuasa **21 September 2021**, semua sijil pendaftaran pakar semasa akan dipinda mengikut kepada perkara-perkara yang berikut:

- 1) Tempoh sah laku (*validity period*) selama lima (5) tahun pada Sijil Pendaftaran Pakar Perubatan (Form 13) akan dimansuhkan;
- 2) Akses untuk menjana sijil secara maya (*e-certificate*) di dalam sistem NSR akan ditutup bagi semua pengamal berdaftar buat sementara waktu. Sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan kemudian;
- 3) Pengamal yang ingin mendapatkan salinan sijil pendaftaran secara salinan keras (*hardcopy*) dan salinan lembut (*softcopy*) boleh mendapatkan salinan berkenaan dengan menghubungi sekretariat MPM ditalian **03-26912171 (no. sambungan: 129, 283 & 211)** atau emel kepada [\*\*ecsmq@mmc.gov.my\*\*](mailto:ecsmq@mmc.gov.my).

Sekian, terima kasih

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF  
MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA**

**12 Oktober 2021**